



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
MALAYSIA,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Blok A, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya

Telefon: 88881480
88883381
Faks: 88883382

Ruj: UPE (S) 12-11/1 (26)

Tarikh: 29 Oktober 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKE-11), 2016-2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) akan memulakan penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020 yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Jun 2015. Proses penyediaan ini akan bermula pada bulan November 2013.

3. RMKe-11 merupakan fasa akhir pelan hala tuju pembangunan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk tujuan ini, RMKe-11 akan dirangka dengan berpaksikan kepada enam (6) teras iaitu:

Teras 1: Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi (*Re-engineering Economic Growth*);

Teras 2: Memperkasa Pemacu Pertumbuhan (*Strenghtening Growth Enablers*);

Teras 3: Memanfaat Bakat (*Harnessing Talent*);

Teras 4: Mengarusperdana Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar (*Mainstreaming Environment and Resources Management*);

Teras 5: Memperkuuh Pembangunan Inklusif (*Enhancing Inclusivity*); dan

Teras 6: Meningkat Kesejahteraan Rakyat (*Improving Well-Being*).

4. Penyediaan RMKe-11, memerlukan penglibatan yang menyeluruh dengan semua pihak yang berkepentingan terutama Kementerian, Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak swasta, akademia, pemimpin masyarakat dan badan bukan Kerajaan. Bagi tujuan ini, Mesyuarat Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) dan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) akan diadakan bagi mengenal pasti isu, dasar, strategi dan program di bawah RMKe-11. Keanggotaan IAPG di peringkat Kementerian dan Jabatan hendaklah diwakili sekurang-kurangnya oleh pegawai di peringkat Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan di Kementerian/Jabatan masing-masing. Mesyuarat IAPG dan TWG ini akan bermula pada November 2013.

5. Untuk makluman, pada kali ini, RMKe-11 akan disediakan dalam dua (2) dokumen, iaitu Dokumen Utama dan Kertas Strategi. Dokumen Utama mengandungi maklumat dasar dan strategi. Manakala, Kertas Strategi akan memperincikan setiap dasar, strategi dan inisiatif yang terkandung di dalam Dokumen Utama. Kedua-dua dokumen ini akan diterbitkan kepada umum.

6. Sehubungan itu, semua Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah diminta memberi keutamaan dan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan penyediaan RMKe-11.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)